



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Gaji Yang Ditawarkan : RM 2,067.00 (sebulan)
3. Syarat Lantikan :
 - (a) Warganegara Malaysia dan;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan;
 - (c) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan;
 - (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan atau;
 - (e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;
 - (f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (g) Berkebolehan mengendalikan komputer (Asas MS Word, Excel, Powerpoint).
 - (h) Berkebolehan mengendalikan kaunter khidmat pelanggan & berpengalaman dalam berurusan dengan pelanggan
 - (i) Mestilah sihat tubuh badan dan tiada masalah kesihatan.
4. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang di buat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas :
 - (a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berkaitan khidmat telefon, khidmat penerangan dan khidmat perhubungan pelanggan di peringkat agensi berkaitan

seperti mengendalikan panggilan telefon (peringkat dalaman dan luaran), melayani dan membantu pelanggan yang berurusan dengan agensi dan memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi;

- (b) Membantu kerja-kerja perkeranian di Unit Komunikasi Korporat;
- (c) Membantu mengendalikan dengan cekap semua panggilan telefon;
- (d) Melayani para tetamu atau pelanggan yang ingin berurusan dengan jabatan di kaunter;
- (e) Memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan;
- (f) Membantu tetamu atau pelanggan yang menghadapi masalah sehingga isu berbangkit selesai;
- (g) Memaklumkan dari semasa ke semasa tentang aduan yang dilaporkan oleh pelanggan kepada Pegawai Perhubungan Awam.

7. Cara Memohon

: Pemohon hendaklah menghantar dokumen – dokumen berikut **MENGIKUT SUSUNAN**

***Tulis di sebelah atas kiri sampul surat "PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19 (CFS)".**

- a) Resume Calon (beserta gambar berukuran passport);
- b) Tulis nama jawatan yang dipohon di bahagian atas resume "PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19 (CFS)";
- c) Salinan Kad Pengenalan;
- d) Salinan Sijil Kelahiran;
- e) Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
- f) Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- g) Salinan Diploma/Ijazah beserta transkrip (sekiranya ada);
- h) Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
- i) Lain-lain dokumen sokongan.

Ke alamat:

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN (SUMBER MANUSIA)
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.

- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. Tarikh Tutup Permohonan : 22 Jun 2022 (Rabu) jam 3.00 petang



(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 7 Jun 2022